

# Proton: Volkswagen belum temui Perdana Menteri

UM- 10/4/2007

KUALA LUMPUR 9 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ketua Volkswagen AG (VW) masih belum bertemu dengannya untuk membincangkan cadangan menjalin hubungan strategik dengan Proton.

Perdana Menteri berkata, buat masa ini, beliau masih menunggu kedatangan Pengerusi atau Presiden VW ke sini untuk pertemuan tersebut.

Namun, tegasnya, penantian ini tidak akan diterima untuk tempoh masa yang lama.

"Saya tidak boleh tunggu selama-lamanya," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian kampus Akademi

Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan pengumuman kesediaannya menemui pegawai kanan VW bagi membincangkan cadangan itu yang dinyatakan Isnin lalu.

Menurut beliau lagi ketika itu, siri perbincangan dengan rakan kongsi strategik berpotensi hampir dimuktamadkan.

Ditanya selama mana beliau bersedia menunggu, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak akan memberitahu anda bila. Anda tunggu sahaja."